

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG]

SOALAN

TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan jumlah pembuangan sisa klinikal di negara yang terkini. Apakah langkah Kementerian memastikan sisa-sisa klinikal ini diuruskan dengan baik supaya tidak menjadi bebanan kepada alam sekitar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005, buangan patogenik, buangan klinikal atau bahan yang dikuarantinkan dikategorikan sebagai buangan terjadual di bawah kod buangan SW 404 dan ciri buangan adalah berjangkit. Sehingga 21 Oktober 2020, kuantiti buangan yang dijana bagi kod buangan terjadual SW 404 adalah sebanyak 22,082.27 metrik tan.
2. Bagi memastikan buangan terjadual ini diuruskan dengan baik, kerajaan melalui lantikan Kementerian Kesihatan Malaysia mempunyai lima (5) Konsesi Perkhidmatan Sokongan Hospital iaitu Radicare (M) Sdn. Bhd., Medivest Sdn. Bhd., Edgenta Mediserve Sdn. Bhd., Sedafiat Sdn. Bhd. Dan One Medicare Sdn. Bhd. bagi menguruskan buangan terjadual SW 404 yang dijana oleh hospital/ klinik kesihatan / institusi perubatan / makmal perubatan dan pusat perubatan di bawah kerajaan. Manakala, buangan terjadual SW 404 yang dijana oleh hospital/ klinik kesihatan / institusi perubatan / makmal perubatan dan pusat perubatan swasta, premis yang

dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar bagi menguruskan buangan tersebut adalah Kualiti Alam Sdn. Bhd., Trienekens (Sarawak) Sdn. Bhd. dan Future NRG Sdn. Bhd..

3. Pada masa ini, Jabatan Alam Sekitar sedang memantau laporan penjanaan buangan terjadual SW 404 yang diterima di premis yang ditetapkan buangan terjadual secara harian memandangkan peningkatan kes COVID-19 di dalam negara supaya langkah segera diambil sekiranya berlaku *backlog* di dalam premis kesihatan. Pematuhan kesemua premis yang menguruskan buangan terjadual SW 404 dipantau melalui syarat lesen yang dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar sepanjang tempoh pelesenan. Sebarang ketidakpatuhan kepada syarat lesen boleh diambil tindakan di bawah Seksyen 16, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Sekian, terima kasih.